

MAHATHIR-LAMBANG ๑๑๑๑๑๑

1981

KOTA KINABALU, 15 FEB (BERNAMA) — KEDUA-KEDUA PARTI BERJAYA DAN USNO DILARANG MENGGUNAKAN LAMBANG BARISAN NASIONAL UNTUK MEMANCING UNDI DALAM PILIHANRAYA NEGERI SABAH YANG AKAN DATANG, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI.

SEBALIKNYA, PARTI-PARTI TERSEBUT AKAN MENGGUNAKAN LAMBANG MASING-MASING TANPA MELIBATKAN LAMBANG BARISAN NASIONAL DALAM APA CARA SEKALI PUN, KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MENGADAKAN PERJUMPAAN DENGAN AHLI-AHLI MAJLIS TERTINGGI USNO DIKEDIAMAN PRESIDANNYAN TAN SRI SAID KERUAK DISINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAHAWA INI ADALAH SELARAS DENGAN SIKAP BERKECUALI BARISAN NASIONAL DIDALAM PILIHANRAYA NEGERI SABAH MEMANDANGKAN USNO WALAUPUN PARTI PEMBANGKANG DIPERINGKAT NEGERI ADALAH SEBUAH PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL.

BELIAU JUGA MEMBERITAHU BAHAWA UMNO TELAH MENGELUARKAN SATU ARAHAN KEPADA AHLI-AHLINYA SUPAYA TIDAK MELIBATKAN DIRI DALAM SEBARANG KEMPEN SEMASA PILIHANRAYA DI SABAH DIJALANKAN.

'SAYA PERCAYA PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL YANG LAIN PUN AKAN BERBUAT DEMILIAN,' TAMBAHNYA. —BERSAMBUNG
1952/AH

MENGENAI PAKATAN USNO DENGAN PARTI PASOK DAN SCCP YANG MENUBUH BARISAN SABAH UNTUK MENGHADAPI PILIHANRAYA AKAN DATANG, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA INI ADALAH SOAL DALAM RUMAH USNO.

BELIAU MENSIFATKAN FORMULA INI SAMA SEPERTI UMNO BEKERJASAMA DENGAN BERJASA DAHULU SEBELUM BERJASA MENJADI BARISAN NASIONAL.

'ADALAH GANJIL KITA MELARANG ORANG LAIN BUAT APA YANG KITA TELAH BUAT,' KATANYA.

DITANYA MENGENAI SIKAP BERKECUALI BARISAN NASIONAL DENGAN KENYATAANNYA SEMALAM MEMUJI PARTI BERJAYA DIATAS KEJAYAANYA BELIAU BERKATA ADALAH MUSTAHIL UNTUK MENAFIKAN BAHAWA ADALAH SATU KEJAYAAN BAGI SESEBUAH PARTI MENDIRIKAN BANGUNAN IBU PEJABATNYA SENDIRI.

'SAYA KATAKAN BERJAYA SUDAH BERJAYA MENDIRIKAN BANGUNANNYA SENDIRI DAN TERPULANGLAH KEPADA MANA-MANA PIHAK UNTUK MEMBUAT INTEPRETASI.' —BERSAMBUNG 1955/AH

MAHATHIR—LAMBAH 3 KOTA KINABALU 〰〰〰〰〰

'MALAU BAGAIMANAPUN, SAYA INGIN MENEGASKAN SEKALI LAGI BAHAWA BARISAN NASIONAL TETAP BERKECUALI DALAM PILIHANRAYA NEGERI AKAN DATANG,' TAMBAHNYA.

PRESIDEN USNO TAN SRI SAID KERUAK BERKATA PARTI NYA BERASA SENANG DENGAN KETEGASAN DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGENAI SIKAP BERKECUALI BARISAN NASIONAL.

BELIAU MEMBERITAHU BAHAWA PARTI-PARTI DALAM BARISAN SABAH SUDAPUN HAMPPIR MENCAPAI PERSETUJUAN MENGENAI BUTIR-BUTIR PEKATAN TERSEBUT.

SEKARANG HANYA TERDAPAT SATU DUA PERKARA TERMASUK PEMBAGIAN KERUSI-KERUSI UNTUK SESEBUAH PARTI YANG MASIH LAGI BELUM DIBERESKAN.

KATANYA, PARTI-PARTI DALAM BARISAN SABAH AKAN BERTANDING DIATAS SATU MANIFESTO BERGAMA TETAPI AKAN MENGGUNAKAN LAMBAH Masing-masing DALAM PILIHANRAYA NANTI. —BERNAMA 2000/AH